

04 NOV 2002

MBM-Sekolah

MBM MAHU KERAJAAN BANYAKKAN SEKOLAH WAWASAN

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) mahu kerajaan memastikan semua sekolah yang dibangunkan mulai sekarang berkonsepkan sekolah wawasan bagi mengurangkan jurang integrasi kaum.

MBM juga mahu kerajaan membuat dasar untuk tidak lagi membangunkan sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan secara berasingan.

Setiausaha Agung MBM Norizan Sharif berkata sebaliknya, semua sekolah perlu dibangunkan dalam satu kompleks yang sama bagi membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain.

"MBM bimbang sekiranya soal hubungan kaum tidak dipupuk sejak di bangku sekolah, sebarang usaha kerajaan merapatkan mereka selepas sekolah tidak akan berjaya dan menjadi sia-sia sahaja," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Norizan mengulas kebimbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hubungan kaum yang semakin renggang khususnya di kalangan generasi muda.

Beliau berkata MBM mahu kerajaan menasarkankan menjelang 2010, semua pelajar sekolah rendah dan menengah belajar di sekolah wawasan.

Norizan berkata kerajaan tidak perlu tunduk kepada tekanan mana-mana pihak untuk melaksanakan sekolah wawasan.

MBM, katanya kesal kerana ada pihak tertentu yang mengambil kesempatan atas sikap bertolak ansur kerajaan bagi menentang pelaksanaan sekolah wawasan.

"MBM mahu kerajaan mengambil kira pandangan majoriti penduduk yang menyokong pelaksanaan sekolah wawasan dan ingin melihat hubungan kaum yang lebih baik di kalangan generasi muda," katanya.

-- BERNAMA

SNS LAT